

**Pesaka**  
**yakin**  
**Manila**  
**terima** **B. Harian (M)**  
**Silat 13 FEB 1991**

**PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) yakin usaha memujuk Majlis Olimpik Filipina (FOC) menyenaraikan silat olahraga dalam Sukan SEA XVI Manila, November ini, ini akan mendapat kejayaan setelah tiga syarat yang mereka hendaki dipenuhi.**

Setiausaha Pesaka, Abdul Rahman Hassan, berkata syarat pertama ialah acara itu mesti disertai oleh empat negara dan kedua, segala kemudahan, kelengkapan dan pertandingan disediakan oleh Pesaka dan Persilat.

"Syarat ketiga sudah selepas, iaitu Persilat sudah membantu menubuhkan sebuah Persatuan Pencak Silat di Manila pada 20 Disember lalu," katanya, semalam.

Dalam misi ke Manila Jumaat ini, rombongan Malaysia akan diketuai oleh Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tan Sri Hamzah Abu Samah dan Presiden Pesaka, Tan Sri Haji Muhamad Muhd Taib; dijangka turut sama ialah Presiden Persilat, Eddy M Nalapraya.

Abdul Rahman berkata, usaha memujuk FOC menyenaraikan silat dalam kejohanan kali ini mendapat sokongan padu dari negara anggota Persilat, iaitu Indonesia, Singapura, Brunei Darussalam dan Thailand.

Berikutnya itu, Abdul Rahman berkata, dia yakin dalam pertemuan kali ini serta sokongan padu anggota Persilat akan berjaya menarik perhatian FOC nanti.

Beliau berkata, sebagai langkah permulaan satu demonstrasi silat dari negara anggota Persilat akan diadakan di Manila selama tiga hari, bermula 16 Februari ini.